

Kursus Islam untuk rekrut polis

KURSUS Tamadun Islam akan dijadikan salah satu mata pelajaran tambahan bagi anggota polis di pusat latihan dan maktab-maktab polis, Datuk Musa Hitam berkata, malam ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kursus itu perlu diperluaskan kepada pasukan polis, lebih-lebih lagi pegawai-pegawainya dalam keadaan kebangkitan Islam yang

KUALA LUMPUR, Jumaat

hebat berlaku sekarang. Katanya, beliau telah mengarahkan supaya kursus Tamadun Islam dimasukkan dalam mata pelajaran bagi anggota polis sesuai dengan konsep pendidikan sepadu yang telah diterima oleh kerajaan dalam Seminar Kepemimpinan Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia, baru-baru ini.

Datuk Musa yang juga Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri berkata demikian ketika berucap

menutup Musababah Tilawatil Quran Polis Diraja Malaysia di Pusat Latihan Polis di sini.

Menyentuh tema musababah itu — Kebersihan Azas Kesempurnaan Iman — beliau berkata, kebersihan rohaniah harus diberi keutamaan kerana ia memabatkan soal hati, niat, fikiran, perasaan dan nafsu.

"Ia adalah faktor dalaman yang tidak mudah dilihat," katanya.

Menurut Datuk Musa, kebersihan dalaman itu akan dapat membentuk seorang manusia yang berjihad murni, mem-

punyal ketulusan dan keikhlasan sejati lalu suatu nilai yang sangat mulia.

"Dalam dunia moden yang mencabar ini, sifat-sifat mulia itu seringkali terselindung dengan ukuran-ukuran haran. Apa yang kita nampak bersih hanyalah kebersihan palu yang berasaskan ukuran hajaran semata-mata," tegasnya.

Dalam menghadapi cabaran hebat itu, Datuk Musa menyeru anggota-anggota polis supaya mengukuhkan iman kerana tanpa kekuatan iman, nilai-nilai mulia yang ada pada setiap manusia itu mudah roboh dan hancur.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pasukan polis ditubuhkan untuk memerangi segala kegiatan maksiat yang menjejaskan kebersihan dalam masyarakat dan negara.

Adalah menjadi tanggungjawab utama pasukan polis untuk menjamin wujudnya satu masyarakat yang bersih dari jenayah, penipuan dan segala bentuk keketoran yang boleh menjejaskan keamanan dan keharmonian hidup dalam masyarakat.

"Saya amat memahami bahawa sebagai seorang manusia biasa, setiap anggota polis dalam melaksanakan tugas ini, akan sentiasa digoda oleh berbagai cabaran hidup sehari-hari.

"Oleh itu tidak hairanlah sekiranya dalam menghadapi cabaran tugas dan tanggungjawab itu, adakalanya seseorang itu teralih pandangannya kepada tarikan-tarikan lain hingga menjejaskan mutu perkhidmatan paman dan ada kalanya mencemarak nama baik dan kesucian pasukannya," ujarnya.

Datuk Musa berpendapat, senjata utama menghadapi cabaran dan hasutan iblis yang muncul dalam berbagai bentuk itu terletak kepada keyakinan pegangan kukuh dan penyerahan diri kepada Allah.

Katanya, anggota-anggota polis hendaklah menfatkan tugas yang mereka laksanakan sebagai satu ibadah di sisi Allah.

Beliau percaya, jika keyakinan itu dapat dihayati, mereka akan dapat memulihkan tekad dalam menghadapi cabaran dan tanggungjawab sehari-hari sebagai satu amali saleh yang mencari keredaan Allah.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia